

# Dasar fiskal Trump pengaruhi ringgit

➔ Faktor luaran turut jadi penentu aliran mata wang: Bank Dunia

Oleh **Suffian A Bakar**  
suffian@bh.com.my

**P**ergerakan ringgit berkeungkinan besar akan dipacu perkembangan persekitaran luaran serta perspektif global, kata Bank Dunia.

Pakar Ekonomi Kanannya, Rafael Munoz Moreno, berkata satu faktor yang akan menentukan aliran ringgit adalah perubahan dasar fiskal mutakhir Amerika Syarikat (AS) di bawah bakal presiden, Donald Trump serta tahap ketelusan dasar monetari negara itu.

"Ini akan ditafsirkan kepada (prestasi) pasaran kewangan global (termasuk pasaran Malaysia)," katanya kepada pemberita pada persidangan dua hari Bank Dunia bertemakan

Mempertingkatkan Kualiti Perkhidmatan Pelaksanaan, di Kuala Lumpur, semalam.

Yang hadir sama Pakar Pembangunan Sosial, Kumpulan Penyelidik Pembangunan Bank Dunia, Michael Woolcock; Profesor Amalan Pembangunan Antarabangsa, Harvard Kennedy School, Lant Pritchett; dan Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia, Profesor Datuk Dr Noor Azlan Ghazali.

## Nilai ringgit masih kukuh

Bagaimanapun, Moreno menegaskan, nilai mata wang tempatan itu masih kukuh berikutan aspek kewangan Malaysia yang saling berintegrasi dengan negara serantau.

Integrasi kewangan merujuk kepada proses yang mana kewangan sesebuah negara lebih seiringan negara lain, termasuk berkongsi amalan kewangan terbaik, kecanggihan teknologi serta produk kewangan baharu.

Beliau berkata, pengukuhan ringgit pada masa depan juga akan mencerminkan pengukuhan harga komoditi.

"Sebagai negara pengeluar utama komoditi, sebarang kenaikan harga komoditi akan

turut cenderung ke arah ringgit," katanya.

Bank Dunia mengunjurkan ekonomi Malaysia berkembang 4.3 peratus pada 2017 dan 4.5 peratus pada 2018, disandarkan kepada penyesuaian harga tenaga rendah dan jangkaan harga komoditi yang akan stabil.

Terdahulu dalam pembentangnya, Pritchett berkata, kerajaan memainkan peranan penting dalam proses pembangunan dan sering memperkenalkan pembaharuan serta dasar baharu bagi mencapai matlamat pembangunan.

Katanya, banyak pembaharuan dan dasar itu hanya memberikan impak yang terhad kerana sering kali ia tidak memenuhi matlamat sebenarnya.

Beliau berkata, kekurangan pencapaian itu mendedahkan jurang dalam kemampuan, dan kelemahan dalam proses membangunkan kemampuan.

"Sehubungan itu, pendekatan lebih berkesan perlu diambil bagi memastikan matlamat sebenar dicapai," katanya.

Pendekatan itu dihuraikan secara terperinci dalam buku terbaru bertajuk *Building State Capability: Evidence, Analysis, Action*.



Satu faktor yang akan menentukan aliran ringgit adalah perubahan dasar fiskal mutakhir Amerika Syarikat (AS) di bawah bakal presiden, Donald Trump serta tahap ketelusan dasar monetari negara itu. Ini akan ditafsirkan kepada (prestasi) pasaran kewangan global (termasuk pasaran Malaysia)"

**Rafael Munoz Moreno,**  
Pakar Ekonomi Kanan  
Bank Dunia